

**Pemuda Umno Kk Saran Jawatan Ketua Pemuda Tidak Ditanding
Bernama
8 Ogos, 2013**

KOTA KINABALU, 8 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kota Kinabalu menyarankan agar jawatan Ketua Pemuda Umno yang kini disandang Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin tidak dipertandingkan, pada pemilihan parti akan datang.

Ketuanya Bahrul Razha Chuprat berkata ini kerana Khairy telah menjalankan tugas dengan baik sebagai ketua pemuda dan anggota pergerakan itu seharusnya memberi ruang kepada beliau untuk meneruskan agenda mengukuhkan pergerakan pemuda.

"Kalau boleh pada pemilihan parti akan datang, jawatan Ketua Pemuda Pusat tidak dipertandingkan. Kita mahu Khairy dikekalkan kerana kita tahu beliau telah berjuang dan berusaha dengan baik dan ini sudah terbukti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis rumah terbuka Aidilfitri di perumahan Jalan Sang Kencil sini hari ini.

Pada masa sama, Bahrul turut mengumumkan hasratnya bertanding jawatan Timbalan Pengerusi Tetap Pemuda Malaysia pada pemilihan parti peringkat Pemuda Umno.

"Bagi memantapkan lagi penyertaan Pemuda Umno Sabah di peringkat pusat, saya dengan ini menawarkan diri untuk bertanding sebagai timbalan pengerusi tetap Pemuda Umno Malaysia," katanya

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=969007>